



## SIARAN AKHBAR

### ASEAN Financial Integration Framework (AFIF) Capacity Building Course

#### SEACEN-ADB-ASEAN-AADCP II Course on Liquidity Risk

**Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam**

**Hari Isnin, 24 Zulhijjah 1437 bersamaan dengan 13 September 2016**

---

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) dengan kerjasama South East Asian Central Banks Research and Training Centre (SEACEN) dan Asian Development Bank (ADB) melalui Program Kerjasama Perkembangan ASEAN-Australia, telah menganjurkan Kursus *Liquidity Risk* pada hari Isnin, 26 September 2016 hingga 29 September 2016 di The Centrepoint Hotel, Gadong.
2. Hadir bagi menyempurnakan perasmian kursus ini ialah Yang Mulia Awang Haji Adi Marhain bin Haji Leman, Penolong Pengarah Urusan AMBD, yang seterusnya menyampaikan kata alu-aluan pada majlis tersebut.
3. Kursus *Liquidity Risk* ini memfokuskan kepada tatacara untuk mengenalpasti, mengukur dan memantau risiko kecairan, serta penilaian urusan risiko, selaras dengan *Basel Committee's Principles* (BCPs), iaitu untuk mentadbir dan mengurus risiko kecairan dengan kukuh.
4. Kursus yang dianjurkan khusus bagi bank pusat/ autoriti monetari Negara Brunei Darussalam, Kemboja, Laos, Myanmar dan Vietnam ini telah di hadiri oleh lebih dari 30 orang pegawai, termasuk pegawai-pegawai dari AMBD.
5. Program Kerjasama ASEAN-Australia ini adalah kerjasama jangka panjang diantara Australia dan ASEAN dalam usaha ke arah Komuniti Ekonomi ASEAN dan Wawasan Pasca-2015, dan adalah bertujuan bagi membantu meningkatkan kemajuan komuniti ekonomi ASEAN, kapasiti Sekretariat ASEAN (ASEC), dan kerjasama diantara ASEAN dan Australia.

**Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

Tarikh: 2 Sya'ban 1437H / 9 Mei 2016M

Rujukan: AMBD/COMMS/3